Binaan Desjaya Sdn Bhd lwn Confederated Development Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUANTAN) — GUAMAN SIVIL NO 22–85 TAHUN 1998
BAHARUDIN H
28 SEPTEMBER 2001

Acara Sivil *— Penghakiman — Pengenepian — Permohonan untuk — Permohonan pertama untuk mengetepikan penghakiman ditolak oleh pendaftar — Sama pemohon boleh memohon selanjutnya untuk mengetepikan penghakiman yang sama — Sama ada prosedur yang betul adalah rayuan kepada hakim dalam kamar — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 56 & A 42 k 13*

Plaintif telah memfailkan writ saman dan pernyataan tuntutannya terhadap defendan. Defendan telah memasukkan memorandum kehadiran tetapi oleh kerana tiada penyata pembelaan difailkan maka penghakiman ingkar telah dimasukkan oleh plaintif. Defendan memohon penghakiman ingkar digantung pelaksanaannya dan seterusnya diketepikan. Permohonan itu telah ditolak oleh timbalan pendaftar atas bantahan awal plaintif. Tiada rayuan difailkan terhadap keputusan itu. Sebaliknya defendan memfailkan permohonan lanjutan tempoh untuk memfailkan satu lagi permohonan mengetepikan penghakiman ingkar itu dan juga untuk penggantungan. Permohonan itu ditolak oleh penolong kanan pendaftar dan defendan merayu.

Diputuskan, menolak rayuan tersebut:

(1) Keputusan pendaftar Mahkamah Tinggi juga merupakan keputusan Mahkamah Tinggi dan mana-mana pihak yang terkilan dan berhasrat mencabarnya, remedinya diperuntukkan melalui rayuan kepada hakim dalam kamar di bawah A 56 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Keputusan itu telah menjadi muktamad dan mengikat pihak-pihak yang berkenaan melainkan dibuktikan keputusan itu tidak sah atau menyalahi undang-undang. Jika tindakan selain daripada yang diperuntukkan diambil bagi mencabar secara langsung atau tidak langsung keputusan muktamad sedemikian, ia boleh dianggap sebagai menyalahgunakan proses undang-undang (lihat ms 234C–D, F–G); *Lee Shu Tuck & Ors v Tom Manas Incorporated Sdn Bhd & Anor* [1999] 1 CLJ 526 diikut.

(2) Dalam prosiding ini, defendan meminta diberi peluang kedua untuk mengetepikan penghakiman setelah gagal pada kali pertama. Jika permohonan sedemikian boleh dibenarkan berulang kali, tidak mungkin A 42 k 13 KMT memperuntukkan tempoh 30 hari bagi permohonan boleh dibuat di bawahnya. Dan jika dibenarkan dan defendan berjaya dalam permohonannya kelak, maka akan wujud dua perintah yang bercanggah dalam kes yang sama. Itu suatu keadaan yang tidak diingini. Oleh itu memfailkan

permohonan yang sama buat kali kedua merupakan suatu penyalahgunaan proses mahkamah dan tidak wajar dibenarkan berlaku (lihat ms 235F–H).

[English summary

The plaintiff filed a writ of summons and statement of claim against the defendant. The defendant entered its memorandum of appearance but because no statement of defence was filed, the plaintiff then entered judgment in default. The defendant applied to stay and set aside the execution of the judgment in default. Upon the plaintiff's preliminary objection, the application was set aside by the deputy registrar. No appeal was filed against that decision. On the contrary, the defendant filed an application for an extension of time to file another application to set aside the judgment in default and for a stay. This application was dismissed by the senior assistant registrar, thus the defendant appealed.

Held, dismissing the appeal:

(1) The decision of the registrar of the High Court was also the decision of the High Court, and any party aggrieved by it and sought to challenge it should appeal to the judge in chambers under O 56 of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC'). The decision was final and binding on the parties involved, unless it could be proven that the judgment was void or illegal. If another action were to be taken instead of the one provided therein to directly or indirectly challenge the decision, this could be considered an abuse of the process of law (see p 234C–D, F–G); *Lee Shu Tuck & Ors v Tom Manas Incorporated Sdn Bhd & Anor* [1999] 1 CLJ 526 followed.

(2) In this proceeding, the defendant applied for a second chance to set aside the judgment after having failed in its first attempt. If such an application were to be allowed several times, then O 42 r 13 RHC would not have provided for a period of 30 days for the application to be made. And if it were allowed and the defendant was successful in its application, there would be two conflicting orders in the same case. This was not a desirable situation. Thus, the filing of the same application twice was an abuse of the process of the court and should not be allowed (see p 235F–H).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pengenepian penghakiman, lihat 2(2) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan 3351–3426.

A **Kes-kes yang dirujuk**

Asia Commercial Finance (M) Bhd v Pasadena Properties Development Sdn Bhd & Ors [1991] 1 MLJ 111 (dirujuk)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP [1999] 1 MLJ 321 (dirujuk)

Lee Shu Tuck & Ors v Tom Manas Incorporated Sdn Bhd & Anor [1999] 1 CLJ 526 (diikuti)

B *Lim Oh & Ors v Allen & Gledhill (sued as a firm)* [1998] 4 MLJ 64 (dirujuk)

Ong Guan Teck & Ors v Hijjas [1982] 1 MLJ 105 (dirujuk)

Punca Klasik Sdn Bhd v Seok Kim Leow [1996] 5 MLJ 241 (dirujuk)

Tycoon Realty Sdn Bhd v Senwara Development Sdn Bhd [1999] 2 MLJ 696 (dirujuk)

C *Yat Tung Investment Co Ltd v Dao Heng Bank Ltd & Anor* [1975] AC 581 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

D Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ss 3, 50, 67(1)

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 2 k 1, A 18 k 1, A 42 k 13, A 56 k 1

Peraturan Profesyen Undang-Undang (Amalan dan Etika) 1978 k 56

R Sarengapani (*Vendargon & Partners*) bagi pihak plaintif/responden.

E *CT Lee* (*TK Woon Lee & Chan*) bagi pihak defendan/perayu.

Baharudin H: Ini adalah rayuan defendan yang tidak berpuashati dengan keputusan penolong kanan pendaftar ('PKP') menolak permohonannya (kandungan 14) untuk lanjutan masa baginya memfailkan permohonan untuk mengetepikan penghakiman ingkar yang telah dimasukkan oleh F plaintif terhadapnya dan juga untuk penggantungan pelaksanaan penghakiman itu.

Plaintif telah memfailkan writ saman dan pernyataan tuntutannya terhadap defendan pada 30 September 1998. Tuntutan adalah bagi jumlah tertentu berasaskan kontrak antara plaintif dengan defendan yang didakwa masih terhutang. Defendan telah memasukkan memorandum kehadiran G pada 22 Oktober 1998 tetapi oleh kerana tiada penyata pembelaan difailkan, maka penghakiman ingkar telah dimasukkan oleh plaintif pada 18 November 1998. Pada 16 Disember 1998, defendan memohon penghakiman ingkar digantung pelaksanaannya dan seterusnya diketepikan (kandungan 9). Permohonan itu telah ditolak oleh timbalan pendaftar pada H 6 Januari 1999 atas bantahan awal oleh plaintiff. Tiada rayuan difailkan terhadap keputusan itu. Sebaliknya, defendan memfailkan permohonan lanjutan tempoh untuk memfailkan satu lagi permohonan mengetepikan penghakiman ingkar itu dan juga untuk penggantungan (kandungan 14). Permohonan itu ditolak oleh PKP pada 18 Mac 1999 dan inilah rayuannya (kandungan 20).

I Peguam yang bijaksana telah menghujahkan bagi pihak defendan bahawa mahkamah sepatutnya hanya membatalkan affidavit sokongan (kandungan 9A) sahaja ekoran bantahan awal plaintif dan tidak menolak

permohonannya (kandungan 9). Oleh sebab penolakan itu dibuat setelah tempoh di bawah A 42 k 13 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') telah luput, maka perlanjutan tempoh terpaksa dibuat. Oleh itu dihujahkan, PKP sepatutnya membenarkan lanjutan masa kerana merit permohonan mengetepikan penghakiman ingkar belum didengar dan defendan tidak patut dipersalahkan. Dalam afidavit sokongannya pula telah dideposkan bahawa defendan mempunyai pembelaan yang bermerit terhadap tuntutan plaintif dan percaya penghakiman ingkar yang diperolehi plaintif adalah tidak teratur (irregular) kerana dimasukkan sebelum tamat tempoh lanjutan yang dibenarkan oleh peguam plaintif sendiri.

Ternyata daripada hujahnya, defendan merasa terkilan dengan penolakan kandungan 9 atas bantahan awal tanpa dia berpeluang menghujahkan merit permohonannya untuk mengetepikan penghakiman ingkar itu dan memaksanya membuat permohonan ini. Apa yang perlu ditekankan ialah bahawa keputusan pendaftar Mahkamah Tinggi juga merupakan keputusan Mahkamah Tinggi dan mana-mana pihak yang terkilan dan berhasrat mencabarnya, remedinya diperuntukkan melalui rayuan kepada hakim dalam kamar di bawah A 56 KMT. Malangnya, di sini defendan tidak mengemukakan rayuan oleh itu tidak boleh mempertikaikannya lagi kerana keputusan itu telah menjadi muktamad dan mengikat pihak-pihak melainkan dibuktikan keputusan itu tidak sah atau menyalahi undang-undang yang mana bukan isu di sini. Dalam kes *Lee Shu Tuck & Ors v Tom Manas Incorporated Sdn Bhd & Anor* [1999] 1 CLJ 526, defendan yang permohonannya untuk penggantungan pelaksanaan penghakiman ingkar ditolak oleh PKP telah mengemukakan permohonan yang sama kepada hakim dalam kamar. Abdul Aziz H telah memutuskan di situ bahawa keputusan pendaftar menolak penggantungan adalah keputusan Mahkamah Tinggi, oleh itu, permohonan kedua ke Mahkamah Tinggi untuk penggantungan tidak boleh dibuat. Hanya satu jalan yang terbuka untuk mengubah keputusan itu, iaitu melalui rayuan kepada hakim dalam kamar di bawah A 56 KMT. Asas keputusan itu diterima pakai di sini sebagai mencerminkan tafsiran yang tepat kaedah undang-undang semasa yang berkaitan. Maka atas dasar yang sama, jika tindakan selain daripada yang diperuntukkan diambil bagi mencabar secara langsung atau tidak langsung keputusan muktamad sedemikian, ia boleh dianggap sebagai menyalahgunakan proses undang-undang.

Peguam defendan yang bijaksana telah menghujahkan bahawa penolakan kandungan 9 bukan keputusan yang mempunyai kesan menentukan hak-hak pihak secara muktamad dengan bersandarkan kepada keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Dato' Seri Anwar bin Ibrahim v PP* [1999] 1 MLJ 321, oleh itu tiada hak dirayu. Hujah yang serupa telah dibangkitkan di Mahkamah Rayuan dalam kes *Tycoon Realty Sdn Bhd v Senwara Development Sdn Bhd* [1999] 2 MLJ 696 di mana NH Chan HMR, dalam penghakiman bagi pihak Mahkamah Rayuan, memutuskan bahawa rayuan sivil daripada Mahkamah Tinggi tidak terhad kepada keputusan seperti yang ditakrifkan dalam ss 3 dan 50 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('AMK") tetapi merangkumi semua rayuan dalam perkara sivil di Mahkamah Tinggi kerana perkataan yang digunakan dalam s 67(1) AMK

A ialah 'appeals from any judgment or order', dan bukan 'appeal against any decision'. Begitu juga keadaannya dengan rayuan daripada pendaftar bahkan kalau dilihat A 56 k 1 KMT, skopnya adalah lebih luas.

> (i) An appeal shall lie to a judge in chambers from any judgment, order or decision of the registrar.

B Oleh itu apa yang dihujahkan itu nyata tidak berasas.

Peguam plaintif yang bijaksana sebaliknya membangkitkan isu estoppel dengan res judicata dalam ertikata yang luas yang dikatakan menghalang defendan daripada membuat permohonan baru untuk mengetepikan penghakiman ingkar. Dihujahkan defendan berpeluang menarik balik C kandungan 9 pada 28 Disember 1998 dan memfailkan semula dengan kebebasan atau menangguhkan pendengaran, tetapi telah meneruskan dengan penghujahannya. Dan setelah keputusan dibuat, defendan sepatutnya memfailkan rayuan kepada hakim dalam kamar tetapi tidak berbuat demikian. Kes-kes *Lee Shu Tuck, Yat Tung Investment Co Ltd v Dao Heng Bank Ltd & Anor* [1975] AC 581 dan *Lim Oh & Ors v Allen & Gledhill* D *(sued as a firm)* [1998] 4 MLJ 645 telah dirujuk sebagai sokongan. Isu-isu ini penting apabila menimbang permohonan untuk mengetepikan penghakiman ingkar memandangkan permohonan yang sama telah dibuat sebelumnya. Tetapi di tahap ini, fakta ini hanya relevan sebagai menggambarkan betapa sia-sianya jika tindakan defendan ini dibenarkan diteruskan kerana ia tidak mungkin berhasil.

E

Adalah suatu ketetapan undang-undang bahawa mahkamah mempunyai budi bicara yang tidak terhad untuk membenarkan atau menolak permohonan melanjutkan tempoh. Tetapi budi bicara itu mestilah dijalankan mengikut lunas-lunas keadilan dan berasaskan penjelasan yang cukup melalui afidavit yang boleh menjustifikasi kelonggaran itu diberi. F (Rujuk *Ong Guan Teck & Ors v Hijjas* [1982] 1 MLJ 105, *Punca Klasik Sdn Bhd v Seok Kim Leow* [1996] 5 MLJ 241 dan *Asia Commercial Finance (M) Bhd v Pasadena Properties Development Sdn Bhd & Ors* [1991] 1 MLJ 111). Apa yang berlaku dalam prosiding ini ialah defendan meminta diberi peluang kedua untuk mengetepikan penghakiman setelah gagal pada kali pertama. Jika permohonan sedemikian boleh dibenarkan berulang kali, G tidak mungkin A 42 k 13 KMT memperuntukkan tempoh 30 hari bagi permohonan boleh dibuat di bawahnya. Dan jika dibenarkan dan defendan berjaya dalam permohonannya kelak maka akan wujud dua perintah yang bercanggah dalam kes yang sama. Itu suatu keadaan yang tidak diingini. Oleh itu, memfailkan permohonan yang sama buat kali kedua merupakan H suatu penyalahgunaan proses mahkamah dan tidak wajar dibenarkan berlaku.

Defendan mendakwa bahawa penghakiman ingkar itu tidak teratur kerana dimasukkan sebelum tamat tempoh lanjutan masa yang diberi oleh peguamcara plaintif. Ini dinafikan oleh peguam plaintif dengan mengekshibitkan suratnya yang menunjukkan bahawa penghakiman hanya I dimasukkan selepas tamat tempoh tujuh hari yang dibenarkan. Walau apa pun kegagalan mematuhi k 56 Peraturan Profesyen Undang-Undang (Amalan & Etika) 1978 itu tidak boleh menjadikan sesuatu penghakiman

ingkar itu cacat (lihat *Asia Commercial Finance (M) Bhd*). Mengikut A 2 k 1 KMT salah aturan hanya berlaku apabila KMT gagal dipatuhi. Penghakiman ingkar di sini hanya dimasukkan lebih daripada dua minggu selepas kehadiran defendan dimasukkan (A 18 k 1 KMT), oleh itu tidak boleh dipertikai.

Setelah menimbang hujah-hujah kedua-dua pihak didapati budibicara mahkamah tidak memihak kepada defendan. Khususnya dengan permohonan mengetepikan penghakiman ingkar terdahulu telah ditolak maka tidak wajar permohonan kedua dibenarkan dibuat atas asas yang sama. Lagipun jika dibenarkan ia bukan saja merupakan penyalahgunaan proses mahkamah tetapi juga berkemungkinan besar menjadi tindakan yang sia-sia. Rayuan defendan dengan itu wajar ditolak.

Isu penggantungan penghakiman bergantung kepada keputusan cabaran terhadap penghakiman ingkar itu dan sama ada terdapat keadaan istimewa yang mewajarkannya. Afidavit sokongan tidak langsung menunjukkan wujud keadaan sedemikian.

Atas sebab-sebab yang dinyatakan rayuan defendan ditolak dengan kos.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Peter Ling